

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan tiga kata ganda dan tiga kata adjektif.

Untuk merealisasikan pembelajaran abad 21, guru perlulah lebih kreatif dan aktif dalam konteks merancang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk pelajar. Dalam konteks masyarakat Malaysia, konsep bekerjasama telah lama diamalkan. Masyarakat Melayu sering kali melakukan sesuatu secara bersama, tolong-menolong antara satu sama lain. Malah konsep gotong-royong telah diguna pakai dalam sistem pendidikan masyarakat Melayu pada masa lampau. Selain itu, pelajar sering bekerjasama untuk belajar bersama-sama.

Kata ganda

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

Kata adjektif

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

Dalam ayat-ayat di bawah terdapat tiga kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu.

- (i) Kakak sedang menjumlahkan angka-angka dalam buku kunci kira-kira yang diberikan oleh majikannya kerana syarikat mereka sedang menjalani sesi audit kewangan.
- (ii) Burung-burung yang berterbangan di angkasa raya kelihatan sangat amat cantik dan memberikan panorama yang unik pada senja semalam.
- (iii) Cef yang sangat terkenal itu sedang memperdengarkan pengalamannya sewaktu bekerja di luar negara dalam sesi temu duga yang dijalankan oleh pihak Astro Awani.

Salah	Betul
(i)	
(ii)	
(iii)	